

10/05/2001

Ahli buat tuduhan palsu hadapi tindakan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno akan mengambil tindakan terhadap mana-mana ahlinya yang terbukti melemparkan tuduhan palsu mengenai politik wang kepada Lembaga Disiplin parti itu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, pendirian yang sama juga ditegaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini supaya mereka yang membuat tuduhan politik wang, diambil tindakan jika didapati dakwaan mereka tidak berasas.

Katanya, Lembaga Disiplin bukan menjadi tempat untuk meluahkan pelbagai tuduhan, apa lagi jika dakwaan itu dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa bukti kukuh.

"Daripada awal sudah kita kata, Perdana Menteri pun kata untuk mengelakkan Lembaga Disiplin ini menjadi tempat dilemparkan pelbagai tuduhan, mereka yang membuat tuduhan-tuduhan liar yang tidak berasas, mungkin dikenakan tindakan.

"Bentuk tindakan itu terserah kepada Lembaga Disiplin," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini petang ini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Ketua Umno Bahagian Bagan Serai, Datuk Zainal Abidin Zain, semalam yang meminta parti itu mengambil tindakan tegas ke atas ahli yang membuat aduan palsu berkaitan politik wang bagi mengelak perbuatan itu berulang pada masa depan.

Zainal Abidin yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah antara sembilan ahli Umno yang didapati tidak bersalah atas dakwaan penggunaan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian, oleh Lembaga Disiplin Sabtu lalu.

Enam yang lain termasuk tiga ketua bahagian didapati bersalah.

Selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 31 Mac lalu, Dr Mahathir antara lain mengingatkan ahli parti bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka yang membuat tuduhan berlakunya politik wang, jika ia didapati tidak berasas.

Mengenai masalah Umno bahagian Bukit Bintang di ibu negara yang mesyuaratnya sudah tertangguh dua kali, Abdullah berkata ia akan diadakan secepat mungkin.

Katanya, beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Ketua Umno Bahagian Cheras, Datuk Syed Ali Al-Habshi, yang menjadi wakil Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, hari ini.

"Beliau (Syed Ali) akan membantu mengelolakan mesyuarat itu dan saya berharap ia dapat diadakan secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat pergerakan Pemuda dan Wanita bahagian yang sama yang diadakan tiga minggu lalu, juga tidak perlu diadakan semula setelah siasatan termasuk pengesahan Pendaftar Pertubuhan, mendapati tiada percanggahan berlaku.

Abdullah berkata, mesyuarat hari ini juga menghalusi persiapan mengenai sambutan ulang tahun penubuhan Umno ke-55 di PWTC Jumaat ini, termasuk dialog antara Presiden parti dan ahli veteran.

"Kita juga harap Umno negeri dan bahagian akan mengadakan majlis doa selamat bermula malam esok atau Jumaat ini sebagai tanda syukur," katanya.

Selain itu katanya, semua naib presiden parti dikehendaki hadir pada majlis perjumpaan dengan pemimpin bahagian yang diatur oleh Biro Penerangan Umno.

Beliau berkata, ini bagi membolehkan mereka menemui ahli jawatankuasa

peringkat bahagian yang baru dipilih.
(END)